

## **BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM**

### **Tauhid - KEMANA KITA**

Dalam membincangkan kemana kita ,kita perlu mengetahui terlebih dahulu asal usul kita. Mengikut keterangan Allah dalam kitabnya, manusia berasal daripada Nabi Adam S.A.W yang dijadikan oleh Allah daripada tanah yang diambil dari dalam syurga. Setelah Nabi Adam dijadikan, maka Allah jadikan pula Siti Hawa daripada tulang rusuk kiri Nabi Adam.

Setelah beberapa lama didalam syurga,Adam dan Hawa diperintah turun kebumi kerana kesalahan memakan buah khuldi iaitu sejenis buah yang dilarang memakannya didalam syurga.

Setelah mereka sampai dibumi,mereka tidak berjumpa diantara satu sama lain kerana Adam turun di India dan Hawa turun Jeddah. Setelah beberapa tahun dibumi akhirnya mereka bertemu di Padang Arafah. Dengan pertemuan ini pula Siti Hawa melahirkan beberapa orang anak. Perkahwinan di antara anak-anak Adam dan Hawa menjadi zuriat keturunan manusia yang banyak sehinggalah sekarang ini. Inilah yang dikatakan asal usul manusia.

Maka hiduplah manusia-manusia ini turun temurun sehingga berbilion-bilion banyaknya, tetapi hidup manusia ini tuhan tidak membiarkan begitu sahaja diatas muka bumi ini. Sebaliknya Allah memberikan pula mereka beberapa peraturan ,petunjuk dan undang-undang hidup demi untuk keselamatan dan kemajuan manusia seterusnya kerana manusia diberi akal fikiran, hati, tubuh badan, mata, telinga, kaki dan tangan yang sempurna serta cantik,hebat dan lawa.

Dengan ini Allah menurunkan beberapa kitab dan risalah serta dilantik pula beberapa orang rasul dimuka bumi ini dari masa kesemasa untuk mengendalikan perjalanan manusia hidup diatas muka bumi ini. Rasul-rasul ini berakhir dengan Nabi Muhammad.

Didalam kitab-kitab dan risalah-risalah itu mengandungi pula beberapa suruhan dan larangan Allah, cerita lama dan baru, tauladan-auladan, amaran baik dan jahat,alam barzah, Padang Mahsyar, kiamat, syurga dan neraka. Segala-gala ini wajib kita mengetahui dan mempelajarinya serta percaya dan beramal dengannya.

Kita wajib mengenal Allah dgn seterusnya segala rukun iman yang enam serta beramal dengan rukun Islam yang lima seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Beramal dengan hukum-hukum munakahat, jenayah, muamalah dan seterusnya wajib mengetahui perkara-perkara yang menjadi keperluan hidup manusia kerana dialam ini Allah telah menjadikan kepada kita ilmu sains. Dengan ilmu sains inilah manusia boleh maju didunia dan dengan ilmu Tauhid, Fiqah, Tasauf dan ilmu alat pula maka manusia boleh maju dan selamat dunia dan akhirat.

Dengan ini sekarang kita telah faham akan asal usul kita dan segala kewajipan kita. Dalam tajuk Kemana Kita dapatlah kita faham bahawa kita masih jauh lagi akan pergi kehadapan dan memakan masa yang panjang.

laitu yang kedua yang perlu kita fikirkan ialah perkara mati. Pada umumnya tiap-tiap orang mestilah akan mati. Mati itu sebenarnya Allah yang menjadikan. Bukan bererti mati habis hancur menjadi tanah dan kita hilang begitu sahaja. Sepertimana yang diperkatakan oleh setengah manusia dimuka bumi ini.

Sebenarnya apabila kita mati, roh kita berpisah daripada badan. Badan kita kebanyakan hancur menjadi tanah tetapi roh tidak hancur. Roh masih hidup didalam kubur atau alam barzakh alam segenting diantara dunia dan akhirat. Diwaktu itu kita telah mati dan kita telah tinggal menjadi roh berada didalam alam barzakh. Roh kita boleh berjalan didalam barzakh jika kita orang yang baik soleh.

Mengikut kehendak Allah apabila kita menjadi roh dan berada didalam barzakh maka kita akan disoal ditanya oleh dua malaikat didalam banyak perkara seperti kepercayaan kita terhadap Allah, amalan kita dan segala kerja buat kita semasa kita hidup diatas muka bumi ini dan kalau jawapan kita tidak sebetul seperti mana yang disuruh kita lakukan didunia maka padahnya sangat buruk. Berbagai seksaan didatangkan kepada kita seperti kubur menghimpit kita dengan sekuat-kuatnya, bau busuk, panas yang tidak terhingga, gelap yang amat sangat, binatang berbisa datang menggigit, pukulan dari malaikat datang bertalu-talu sehingga tenggelam kedalam bumi kemudian dicungkil semula dan begitulah seterusnya hinggalah datangnya hari kiamat.

Sebaliknya jika kita orang yang soleh yang baik yang menurut segala perintah Allah semasa kita hidup didunia ini maka kita akan diberi berbagai-bagai kesenangan seperti diluaskan kubur kadar 100x100 kaki

persegi, cahaya terang benderang dan teman bersama kita serta makanan-makanan yang baik dengan wangi semerbak baunya. Begitulah seterusnya sehingga datangnya hari kiamat.

### **Kiamat**

Apabila hendak datang kiamat, malaikat tiup semboyan kali pertama, bumi pun pecah dan keluar segala khazanah, benda-benda yang berada didalamnya hancur lebur laut dan darat, matahari, bulan dan bintang jatuh bertaburan semuanya, mati sekalian yang hidup. Setelah beberapa lamanya maka malaikat meniup pula semboyan kali kedua. Semua manusia, binatang, jin dan malaikat hidup dan berhimpun semula di Padang Mahshar untuk mendapat badan yang baru yang disediakan oleh Allah di Padang Mahsyar itu. Maka masing-masing mendapat badan yang baru kecuali para Nabi dan para Fisabilillah kerana mereka menggunakan badan asal mereka. Dan berjalanlah pula untuk menemui kolam Nabi Muhammad S.A.W. Sesiapa yang dapat meminum airnya nescaya tidaklah dahaga selamalamanya di Padang Mahshar itu.

Di Padang Mahsyar juga ialah tempat yang sangat huru hara, gelap, panas, matahari tidak ada, manusia tidak kenal antara satu sama lain. Selain dari itu di Padang Mahsyar juga tempat menentukan atau menimbangkan amalan masing-masing setelah mendapat shafa'at Nabi Muhammad S.A.W. Sesiapa yang amalan baik soleh dihantar ke syurga, kekal selamalamanya ( Alhamdulillah ). Dengan menyeberangi siratulmustaqim yang panjangnya kira-kira tiga ribu tahun perjalanan atau ada yang mengatakan sembilan ribu tahun perjalanan, terbentang diatas api neraka. Dan sesiapa yang kurang baik amalannya dihantar ke neraka.

Apabila habis dosanya dimasukkan pula ke syurga dan kekal selamalamanya. Dan sesiapa yang amalannya tidak baik, jahat, kafir maka dimasukkan kedalam neraka buat selamalamanya (Na'uzubillah ) sampai bila-bila masa sekalipun mereka tidak boleh keluar dari neraka itu.

Oleh itu perkataan Kemana Kita, dengan ringkas buat menjawabnya :-

- Pertama :- Kita sekarang masih hidup diatas muka bumi ini lagi dan berpeluang untuk mengerjakan ibadat.
- Kedua :- Kita akan hidup dengan roh dalam "alam barzakh"
- Ketiga :- Kita akan hidup di Padang Mahsyar
- Keempat :- Kita akan hidup mewah didalam syurga selamalamanya.

atau kita akan hidup didalam neraka kemudian dihantar ke syurga buat selamalamanya atau akan hidup didalam neraka selama-lamanya. Oleh itu untuk kita sekarang fikirlah bersungguh-sungguh sebelum mati. Jangan menyesal kemudian, biar menyesal dahulu pendapatan, carilah ilmu, buatlah amal ibadat sebanyakbanyaknya.

Buat apa yang disuruh oleh Allah dan tinggal apa yang dilarang jangan berdolak dalik. Insyaallah kita akan selamat dunia dan akhirat.  
Wallahhualam

TAMAT Ustaz ABDUL WAHAB  
TEL: 04-7310712